



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2010**

---

**PENYERAGAMAN WAKTU BEKERJA BERPERINGKAT  
BAGI SEMUA AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN  
DI NEGERI-NEGERI YANG HARI REHAT  
MINGGUANNYA IALAH HARI JUMAAT**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan berhubung dengan penyeragaman Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) bagi semua agensi Kerajaan Persekutuan di negeri-negeri yang Hari Rehat Mingguannya ialah hari Jumaat.

**LATAR BELAKANG**

2. WBB telah dilaksanakan di semua agensi Kerajaan Persekutuan di seluruh negara mulai 1 Jun 2007 sebagaimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2007.

## PELAKSANAAN

3. Tempoh Waktu Pejabat bagi agensi Kerajaan Persekutuan di negeri-negeri yang Hari Rehat Mingguannya ialah hari Jumaat adalah dilaksanakan seperti yang ditetapkan dalam **Jadual 1** di bawah:

**Jadual 1: Tempoh Waktu Pejabat di Negeri-Negeri yang Hari Rehat Mingguannya ialah Hari Jumaat**

Negeri	Hari	Tempoh Waktu Pejabat (Sehari)
Kedah, Kelantan dan Terengganu	Ahad hingga Rabu	9 jam
	Khamis	7 jam 30 minit

4. WBB bagi semua agensi Kerajaan Persekutuan di negeri-negeri yang Hari Rehat Mingguannya ialah hari Jumaat adalah dilaksanakan seperti yang ditetapkan dalam **Jadual 2** di bawah:

**Jadual 2: Waktu Bekerja Berperingkat di Negeri-Negeri yang Hari Rehat Mingguannya ialah Hari Jumaat**

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
WP 1	Ahad – Rabu	7.30 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg – 2.00 ptg	2.00 ptg – 4.30 ptg
	Khamis	7.30 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg – 2.00 ptg	2.00 ptg – 3.00 ptg
WP 2	Ahad – Rabu	8.00 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg – 2.00 ptg	2.00 ptg – 5.00 ptg
	Khamis	8.00 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg – 2.00 ptg	2.00 ptg – 3.30 ptg
WP 3	Ahad – Rabu	8.30 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg – 2.00 ptg	2.00 ptg – 5.30 ptg
	Khamis	8.30 pg – 1.00 ptg	1.00 ptg – 2.00 ptg	2.00 ptg – 4.00 ptg

## PINDAAN

5. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, Jadual 1 di perenggan 4 bagi negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu dan perenggan 7 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2007 adalah **dipinda**.

## **TARIKH KUAT KUASA**

6. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Mei 2010**.

## **PEMAKAIAN**

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## **PEMBATALAN**

8. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, surat JPA(S)371/4 Klt.3(32) bertarikh 10 Jun 2007 adalah **dibatalkan**.

## **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI ISMAIL ADAM)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

23 Mac 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan